

Selesai 50 peratus

Harapan penduduk Taman Permata peroleh penempatan baharu makin cerah

DENGKIL - Urusan pengambilan tanah di Ampar Tenang bagi menempatkan penempatan baharu bagi penduduk Taman Permata, di sini sudah diselesaikan lebih 50 peratus.

Setiasaha Penduduk Taman Permata, N Kumaran, 44, berkata, beliau menghubungi pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (Upen) yang bertanggungjawab mengenai isu tanah memaklumkan maklumat berkenaan sudah dihantar kepada Pejabat Tanah dan Daerah Sepang pada Jun lalu.

Menurutnya, perbincangan pertama di antara pejabat tanah dan pemilik tanah sudah selesai dan kini sedang menunggu perbincangan kedua dalam masa terdekat.

"Kita masih tunggu proses seterusnya dan kami tak mahu lagi keruhkan keadaan bagi mengelakkan kelewatan jadi lagi," katanya.

Kumaran berkata, walaupun sudah masuk hari ke-486, pihaknya masih menggunakan khemah di hadapan flat mereka sebagai tempat bermesyuarat dan mengadakan aktiviti bersama penduduk.

Sehingga kini katanya, mereka tidak mahu merobohkan khemah berkenaan kerana ia sebagai lambang protes perjuangan mereka untuk mendapatkan rumah seperti dijanjikan.

"Biarlah kami tunggu berapa lama lagi pun, khemah itu tak akan kami buka.



Khemah penduduk Taman Permata masih didirikan tanda mereka masih protes bagi mendapatkan rumah seperti dijanjikan.

ISU Taman Permata

"Apa yang penting pihak bertanggungjawab dapat pastikan masalah dihadapi penduduk dapat diselesaikan sebab mereka ini hanya bekas pekerja ladang," katanya.

Dalam pada itu, Kumaran memaklumkan Exco yang terlibat bersama bekas Exco yang pernah memperjuangkan masalah bekas pekerja ladang di sini bakal hadir dalam penemuan khas sempena sambutan Deepavali bagi menyampaikan berita gembira buat penduduk.

Sementara itu, wakil penduduk, K Ramadas berkata, tidak dinafikan memang terdapat aduan mengenai khemah yang didirikan di kawasan itu dan pernah

menerima kunjungan pihak berkuasa untuk menurunkan khemah namun penduduk masih mempertahankan.

Katanya, selagi masalah isu penempatan baharu bagi bekas pekerja ladang tidak diselesaikan, selagi itulah penduduk tidak akan berganjak.

"Saya harap isu khemah tak timbul, yang penting segerakan pembinaan rumah.

"Tak apalah kalau lama pun kena tunggu, apa yang penting proses pembinaannya berjalan seperti yang dirancang tanpa sebarang masalah," katanya.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan penduduk masih menagih janji mengenai isu pengambilan tanah yang disifatkan masih belum diselesaikan.